

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [ JELUTONG ]**

**TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [ JELUTONG ]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah undang-undang anti lompat parti akan digubal, dan dibentangkan di Dewan Rakyat. Adakah lompat parti akan dijadikan satu kesalahan jenayah untuk menghalang wakil rakyat daripada mengkhianati mandat rakyat, pada masa akan datang.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk mewujudkan suatu peruntukan undang-undang berkaitan anti-lompat parti merupakan salah satu daripada Agenda Transformasi Kerajaan yang bertujuan memastikan reformasi dan pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan khususnya peranan institusi Parlimen akan terus diperkasakan. Dalam hal ini, Kerajaan komited untuk memastikan undang-undang berkaitan anti-lompat parti yang akan digubal dapat

melindungi hak rakyat negara ini. Undang-undang berkaitan anti-lompat parti ini akan dibentangkan dalam Parlimen selewat-lewatnya Julai 2022.

Selaras dengan perkara ini dan mengambil kira kewajaran untuk pembentangan dilaksanakan secepat mungkin, Kerajaan akan memastikan sesi libat urus yang menyeluruh diadakan bersama pihak berkepentingan, badan bukan Kerajaan, ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta rakyat agar Rang Undang-Undang baharu yang diperkenalkan mengambil kira pandangan menyeluruh serta mendapat sokongan semua pihak. Sesi libat urus ini juga akan memastikan hala tuju dan parameter gubalan undang-undang ini dapat ditetapkan serta tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang lain yang berkuat kuasa termasuk di peringkat negeri.

Sama ada untuk menjadikan tindakan melompat parti sebagai satu bentuk jenayah atau tidak, pelbagai sudut perundangan perlu dilihat dan dikaji. Pada ketika ini, Kerajaan sedang mengkaji undang-undang yang digunakan di peringkat Negeri, termasuk kes Mahkamah yang berlaku di beberapa negeri melibatkan pelaksanaan perundangan berkaitan lompat parti. Selain itu, Kerajaan turut meneliti model perundangan beberapa buah negara seperti India, Singapura, New Zealand dan United Kingdom melibatkan peruntukan lompat parti. Selain itu, suatu kaji selidik awam juga sedang dilaksanakan untuk mendapatkan pandangan rakyat mengenai cadangan gubalan Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti.

Bagi memastikan undang-undang ini sentiasa bersifat relevan, semua usaha yang disebut seperti di atas penting untuk dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.